



Prinsip dan Model Negara Islam: Definisi dan Aplikasinya di Malaysia

Mohd Izhar Ariff Mohd Hashim*

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Alias Azhar

Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: izhar@ukm.my

ABSTRAK

Negara atau al-dawlah di sisi para fuqaha' terbahagi kepada tiga kategori iaitu al-dawlah al-Islāmiyah, al-Dawlah al-Harbiyyah atau al-Kuffar dan al-Dawlah al-^oAdiyyah. Pada masa yang sama, mereka saling berbeza pendapat dalam menentukan sesebuah negara itu adakah ia sebuah negara Islam atau sebaliknya. Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisa setiap pandangan fuqaha dalam penakrifan sesebuah negara itu sama ada sebuah negara Islam, kafir ataupun sebuah negara al-^oAdiyyah. Kajian ini turut membahaskan beberapa topik seperti ciri-ciri ketiga-tiga negara tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan bentuk penyelidikan perpustakaan yang melibatkan metod pengumpulan data dari berbagai dokumen dan fakta pensejarahan. Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan perbandingan, terutamanya melibatkan aspek aplikasi dalam pemerintahan di sesebuah negara khususnya negara Islam. Maka daripada kajian ini segala kecelaruan terhadap konsep dan prinsip sebuah negara Islam dapat diselesaikan hasil dari pemurnian pandangan ulama.

Katakunci: *negara Islam, fuqaha', kecelaruan, ulama*

Principles and Model of Islamic Nation: Definition and its Application in Malaysia

ABSTRACT

A nation or al-dawlah, according to the fuqaha', is divided into three categories, al-Dawlah al-Islāmiyah, al-Dawlah al-Harbiyyah or al-Kuffar and al-Dawlah al-^oAdiyyah. In the same instance, they differ in their opinions in determining whether a nation is considered Islamic or otherwise. Hence, this study attempts to analyze every opinion of the fuqaha' from their view points of the definition pertaining to Islamic nation, infidel or al-Dawlah al-^oAdiyyah. This study also tries to discuss on several topics relating to the characteristics of the three categories of nations. In similar notion, this study utilizes a library research method involving the collection of data from documents and historical sources. The data were analyzed based on the comparison, especially relating to application aspect in the administration of a nation, particularly an Islamic nation. Thus, based on the findings of this study, most othe misconceptions relating to the concept and principles of an Islamic nation would be resolved through the refinement of opinions of the ulama.

Keywords: *Islamic nation, fuqaha', misconceptions, ulama*

DEFINISI *AL-DAWLAH*

Al-Dawlah dari sudut bahasa

Menurut *al-Munjid fi al-Lughah wa al-°Alam* (1987: 230) perkataan *al-dawlah* berasal daripada perkataan *dala - yadullu - dawlatan* yang bermaksud geografi sesebuah kawasan, daerah atau negara di mana ia akan didiami dan ditadbir oleh segolongan manusia sama ada daripada bangsa yang satu atau berbilang bangsa. Perkataan *al-dawlah* juga sama ertinya dengan perkataan *al-bilād* yang bermaksud daerah penempatan sekumpulan manusia dan ianya ditadbir oleh golongan tersebut. Sebagai contoh penggunaannya dalam bahasa Arab adalah seperti berikut: *al-Dawlah al-Mālizīyah* yang bermakna negara Malaysia. Ia juga bermaksud, *state, body politic, country, nation* (al-Ba°albakī 1988 : 556).

Pemerintahan di dalam sesebuah iklim atau negara itu tidak berbentuk kekal, kerana ia akan berubah mengikut perubahan politik dan pentadbiran yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh majoriti rakyat, sesebuah komuniti atau dalam kata lain merujuk kepada negara yang berkonsepkan demokrasi.

Muhamad ibn Abū Bakr mendefinisikan *al-dawlah* sebagai pertukaran kuasa penaklukan atau pemerintahan ke atas sesebuah daerah atau negara daripada satu kumpulan kepada satu kumpulan yang lain mengikut pemilihan dan kehendak majoriti masyarakat yang tinggal di dalamnya (al-Razi 1989: 188).

Menurut *al-Mu°jam al-°Arabi al-Asasi*, *al-dawlah* juga bermaksud sebuah iklim atau negara yang mempunyai kekuasaan terhadap pentadbiran sesebuah negara dan politik yang tersendiri tanpa dikaitkan dengan negara-negara lain (*al-dawlah al-mustaqillah*).

Al-Dawlah dari sudut istilah *al-Siyāsat al-Shar°iyyah*

Merujuk kepada sekumpulan manusia yang ramai. Mereka ini hidup di kawasan-kawasan yang terdapat di muka bumi ini secara tetap. Mereka sekaligus akan membuat dan meletakkan undang-undang serta pentadbiran bagi melancarkan lagi kehidupan masyarakat yang bernaung di bawah pemimpin yang mentadbir negara tersebut (Muhamad ibn Abd al-Qadir. 1986: 131).

Hasil daripada definisi tersebut dapatlah disimpulkan bahawa ciri-ciri yang harus terdapat untuk menubuhkan sebuah *dawlah* atau negara adalah seperti berikut:

- i. *Al-Sha°ab* : Iaitu sekumpulan manusia atau masyarakat yang mana mereka itu menetap di dalam daerah atau sesebuah negara kekal dan tetap.
- ii. *Al-Iqlīm* : Negara yang hendak didiami oleh golongan manusia haruslah di tempat atau iklim yang sesuai untuk didiami. Maka dengan ini menunjukkan bahawa tempat-tempat seperti permukaan laut atau sungai tidak layak untuk didiami oleh golongan manusia.
- iii. *Al-Sultah wa al-Ri°āyah* : Sebuah negara tidak dapat tidak harus mempunyai pemimpin yang adil dan kerajaan yang boleh mentadbir negara dan rakyat kearah keamanan, ketaatan kepada Allah S.W.T dan RasulNya sekaligus membawa rakyatnya kearah kesejahteraan dunia dan akhirat.

Sesebuah negara tidak akan berlaku tanpa ketiga-tiga kriteria di atas. Ini adalah kerana ketiga-tiga kriteria tersebut saling memerlukan antara satu sama lain.

TUJUAN DAN PERANAN NEGARA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Islam adalah satu agama yang syumul dan menyeluruh dari semua aspek kehidupan dunia dan akhirat. Oleh yang demikian, Allah S.W.T menyuruh umat manusia menjaga dan mentadbir bumi ini dengan sebaik yang mungkin berlandaskan suruhan dan laranganNya. Hal ini menunjukkan bahawa sebuah negara yang bertapak di atas bumi yang nyata ini amat penting bagi semua makhluk Allah di dunia ini khususnya umat manusia. Maka dengan itu, sesebuah negara itu haruslah ditadbir dengan sebaik-baiknya oleh pemimpin-pemimpin dari semua aspek. Untuk melakukan urusan tersebut, pentadbiran sesebuah negara haruslah kepada dua prinsip penting yang ianya adalah seperti berikut:

Menegakkan keadilan dan keamanan di dalam pentadbiran negara

Firman Allah S.W.T bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, menjadi saksi yang menerangkan kebenaran kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu dan sekalipun orang yang didakwa itu kaya ataupun miskin, kerana Allah lebih bertimbangrasa kepada keduanya. Oleh itu janganlah kamu turuti hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar belitkan keterangan atau enggan daripada menjadi saksi maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.¹

Ayat ini menegaskan kepada semua kadi-kadi, para kalim dan pemimpin-pemimpin negara berlaku adil dalam melaksanakan tugas mereka dari semua sudut dan seterusnya mereka juga diharamkan malakukan perkara-perkara sebaliknya (al-Ashqar 1996: 124).

Dalam ayat yang lain Allah S.W.T menyebut tentang konsep keadilan yang harus ada pada setiap pemimpin bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran, dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kerana sikap itu hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah yang maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.²

Allah S.W.T juga menegaskan bahawa setiap amanah yang telah dipertanggungjawabkan wajib diserahkan kepada mereka yang berhak tanpa memilih kasih, rupa paras, kedudukan, pangkat dan sebagainya. Firma Allah S.W.T bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukumnya dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhannya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi melihat.³

¹ Al-Quran, al-Nisa'(4) : 135.

² al-Quran, al-Maidah 6 : 8.

³ al-Quran, al-Nisa'4: 58.

Kesemua ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa keadilan dan konsep amanah dalam pemerintahan amat penting dan disuruh oleh Islam. Maka dengan itu, konsep pentadbiran sesebuah negara tidak dapat lari daripada berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah, kerana dengan berpandukan kedua-dua sumber utama Islam itu akan lebih memberi impak yang baik kepada kerajaan dan umat Islam bagi mengaplikasikan keadilan dan keamanan dalam mentadbir sebuah negara Islam.

Oleh kerana itulah Allah S.W.T mengutuskan para Rusul untuk mendidik umat manusia cara-cara mentadbir muka bumi ini dengan adil dan berkesan. Allah S.W.T berfirman di dalam surah *al-Hadid* yang bermaksud:

*Sesungguhnya kami telah mengutuskan rasul-rasul Kami dengan membawa bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka juga al-Kitab dan neraca keadilan supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Kami juga telah menciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manfaat bagi manusia, agar Allah dapat mengetahui siapa yang menolong agamaNya dan rasul-rasulNya walhal mereka tidak dapat melihatNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.*⁴

Ada di kalangan para ulama mentafsirkan perkataan *al-Hadīd* ialah, kekuatan politik dalam sesebuah negara. Golongan yang melakukan kejahatan dan kemaksiatan mereka harus dihukum dengan penuh keadilan sepertimana yang telah disyariatkan mengikut masalah yang ianya dilihat oleh pemimpin sesuai untuk dilaksanakan bagi menjamin keamanan dan keadilan dalam sesebuah negara (al-Mawardi 1989: 26).

Melaksanakan ibadah yang telah disyariatkan oleh Islam

Menegakkan keamanan khususnya dalam melaksanakan ibadah yang telah *dishari'atkan* oleh Islam. Apa yang dimaksudkan daripada kenyataan tersebut ialah umat Islam mampu melakukan ibadah *fardu* dan *sunat* secara terbuka seperti solat berjemaah, pengutipan zakat, kebenaran untuk menunaikan haji, solat Jumaat dan seumpamanya tanpa ada rasa takut atau terancam terhadap nyawa, harta dan keluarga mereka. Pihak berkuasa juga haruslah mewajibkan rakyat-rakyatnya mengerjakan kesemua ibadah-ibadah *fardu* dan menetapkan hukuman-hukuman yang setimpal kepada golongan yang meninggalkan kewajipan mereka di dalam mengerjakan ibadah-ibadah *fardu*.

Firman Allah S.W.T bermaksud:

*Orang-orang yang Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi ini, nescaya mereka harus mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh kepada kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran, dan kepada Allah lah segala urusan diserahkan.*⁵

Daripada ayat ini, dapatlah disimpulkan bahawa pentadbiran dan kepimpinan yang baik ialah kepimpinan yang menjaga keharmonian agama, nyawa, akal, keturunan dan harta semua rakyat khususnya umat Islam yang ada di dalam negara sekaligus mengamalkan konsep *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*.

⁴ al-Quran, al-Hadid 57: 25.

⁵ al-Quran, al-Hajj 22 :41.

PEMBAHAGIAN NEGARA (*AL-DAWLAH*) MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Secara amnya, para ulama telah mengklasifikasikan dan membahagikan negara atau yang lebih dikenali sebagai *al-Dār* ataupun *al-Dawlah* kepada tiga bahagian seperti berikut:

- i. Negara *Islam*.
- ii. Negara *al-Harbiyyah*.
- iii. Negara *al-‘Ahdīyyah*.

Manakala *Jumhūr Fuqahā’* hanya membahagikan negara kepada dua bahagian iaitu negara Islam dan negara *al-Harbiyyah* sahaja (al-Zuhayli 1998: 169). Cuma mereka tidak menafikan mungkin di sana terdapat negara selain daripada dua negara tersebut. Pendapat ini berlandaskan dalil yang dipetik dari firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Sekiranya Allah menghendaki tentulah Dia akan menjadikan kamu satu umat yang bersatu dalam agama Islam akan tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakinya sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang dengan apa yang kamu kerjakan⁶.

Sekiranya dilihat kembali, kesemua pembahagian yang dibawa oleh *Jumhūr Fuqahā’* dan para ulama yang lain tidak disebut secara khusus di dalam *al-Qurān* mahupun *al-Hadīth*. Cuma para ulama meletakkan pembahagian tersebut berdasarkan praktikal dan realiti penduduk dari zaman berzaman. Ianya juga adalah untuk memudahkan para ulama dan umat Islam mengaplikasikan hukum-hukum Islam di sesebuah Negara (al-Zuhayli 1998:169).

DEFINISI NEGARA ISLAM

Pengertian negara Islam di sisi para ulama secara amnya hampir sama di antara satu dengan yang lain cuma terdapat di antara mereka yang mengecilkan skop dan ciri-ciri negara Islam dan ada juga yang meluaskan skop negara Islam.

Definisi para ulama terhadap Negara Islam

Definisi negara Islam jika dilihat daripada apa yang telah ditakrifkan oleh para ulama cukup luas maksudnya. Terdapat di sana pendapat yang memaksimumkan ciri-ciri dan skop negara Islam dan ada juga yang mengecil dan meminimumkan skopnya. Namun itu tidak bermakna umat Islam boleh bertelagah dan bergaduh untuk mengklasifikasikan negara mereka adalah negara Islam yang tulin ataupun sebaliknya. Hal ini adalah kerana umat Islam melalui pakar-pakar agama mempunyai cara untuk mentarjihkan mana-mana pendapat yang mereka rasa sesuai dengan konteks negara masing-masing. Apa yang pasti, selagimana definisi negara Islam ini bukan ijmak maka ianya tetap dikira sebagai masalah *al-ijtihadiyyah*.

(a) *Ulama terdahulu yang mendefinisikan Negara Islam antaranya adalah seperti berikut:*

Ibn Hajar (t.th: 269) membahagikan negara Islam "*al-Dawlah al-Islāmiyyah*" kepada tiga komponen penting iaitu:

⁶ al-Quran al-Nahl 16: 92

- i. Tanah yang didiami oleh umat Islam pada asalnya dan dipimpin oleh seorang yang beragama Islam. Sebagai contoh adalah seperti apa yang berlaku di *al-Madīnah al-Munawwarah*.
- ii. Tanah yang dibuka oleh umat Islam melalui peperangan atau persefahaman. Pada asalnya tanah itu didiami oleh orang kafir, selepas kemenangan umat Islam dalam peperangan, golongan yang dikira sebagai penduduk asal sebelum ini sanggup dan bersetuju untuk membayar *al-Jizyah* kepada umat Islam bagi membolehkan mereka terus tinggal di tanah yang dibuka itu tadi.
- iii. Negara yang didiami oleh umat Islam dan kemudiannya negara tersebut telah dijajah oleh orang-orang kafir.

Jika terdapat pada mana-mana negara di muka bumi ini salah satu daripada tiga komponen di atas maka ianya boleh dikategorikan sebagai negara Islam.

Ibn Qayyim (1401H: 266) berpendapat, kebanyakan para ulama antaranya Abu Yusuf mentakrifkan Negara Islam sebagai sebuah negara yang didiami oleh majoriti umat Islam dan seterusnya undang-undang Islam dijalankan, sekiranya undang-undang Islam tidak dijalankan maka negara tersebut bukanlah sebuah negara Islam. Apa yang dimaksudkan dengan undang-undang Islam ialah semua tuntutan dan kewajipan yang dituntut oleh Islam seperti kewajipan solat, puasa, zakat dan seumpamanya.

Sa[°]dī (1968: 84) telah menakalkan definisi negara Islam yang telah dinyatakan oleh al-Shāfi[°]e mendefinisikan negara Islam sebagai sebuah negara yang telah dikuasai oleh umat Islam seperti *Bahgdad* dan *Basrah*, atau sebuah negara yang rakyatnya telah memeluk agama Islam seperti *al-Madinah al-Munawwarah* dan Mesir, ataupun sebuah negara kafir yang telah dibuka oleh umat Islam secara *al-Sulh* manakala *non Muslim* di dalamnya terus menetap dalam negara tersebut dengan bersyarat serta membayar *al-Jizyah*.

Al-Shawkānī (1985: 575) berpendapat, sebuah Negara Islam dapat dikenali jika semua arahan dan larangan syariat Islam dapat dilaksanakan dengan berleluasa, manakala golongan *non Muslim* yang berada di dalam negara itu tidak mampu melaksanakan urusan keagamaan mereka kecuali dengan izin pemimpin tertinggi negara.

Al-Sharkhasi (1989: 81) pula telah mengambil pendapat Abu Hanifah yang mengklasifikasikan negara Islam sebagai sebuah negara yang umat Islam di dalamnya merasa aman untuk beribadah kepada Allah s.w.t dan melakukan semua aktiviti-aktiviti keagamaan yang berkaitan dengan Islam. Jika sebaliknya di mana umat Islam tidak merasa aman untuk melakukan ibadah dan aktiviti-aktiviti agama Islam maka negara tersebut tidak boleh dinamakan sebagai negara Islam bahkan ia dikategorikan sebagai negara *al-Harbi* (Negara Kafir). Pendapat ini dipersetujui oleh ramai para ulama, antaranya Muhammad Abu Zahrah, Yusuf al-Qardawi, al-Zuhayli (1998: 168).

Ibn [°]Ābidīn (1966: 175) menyatakan bahawa sebuah negara kafir akan berubah menjadi negara Islam sekiranya tertegaknya hukum-hukum Islam di dalamnya seperti kebebasan menunaikan ibadat solat lima waktu, solat Jumaat, hari raya dan sebagainya. Kesemua perkara-perkara tersebut dapat dilaksanakan oleh umat Islam dengan bebas dan aman.

Sebuah negara boleh dinisbahkan kepada pengaruh, penguasaan dan orang yang menerajui negara tersebut. Sekiranya sebuah negara itu dipengaruhi dan dipimpin oleh orang Islam, maka negara tersebut adalah Negara Islam.

Sebuah negara akan diiktiraf sebagai negara Islam jika ia dikuasai oleh undang-undang Islam. Sekiranya negara tersebut dikuasai oleh undang-undang kafir maka ia tidak boleh diiktiraf sebagai sebuah negara Islam yang tulin (al-Maqdisī 1971: 213).

Al-Nabahānī (1980: 216) telah mewajibkan di dalam negara Islam dua perkara iaitu pelaksanaan undang-undang Islam seperti hudud seterusnya keamanan harus dapat dirasai oleh semua umat Islam dan *ahl al-Dhimmah* yang berada di dalam negara tersebut. Sekiranya salah satu daripada dua perkara di atas tidak dapat dilaksanakan atau kedua-duanya sekali maka negara tersebut tidak boleh dinamakan sebagai negara Islam.

(b) *Pengklasifikasian Ulama Mu^casarah (kontemporari) terhadap Negara Islam*

Al-Zuhaylī (1998: 168) menyatakan bahawa negara Islam ialah semua negara yang berada di bawah pimpinan atau Sultan yang beragama Islam, manakala undang-undang Islam dan *Shari^cat Islāmiyyah* juga haruslah dilaksanakan dengan baik dan teratur. Kesemua umat Islam di dalamnya khususnya pemimpin-pemimpin negara haruslah (*al-Wajib al-Kifā'i*) mempertahankan negara dan *Shari^cat Islāmiyyah* sedaya yang termampu. Sekiranya tiada seorangpun yang berani mempertahankan negara mereka maka kesemua umat Islam yang berada di dalamnya berdosa. Sebagai contoh, Palestin dikira sebagai negara Islam walaupun ianya sekarang cuba dijajah oleh golongan Yahudi. Oleh yang demikian, semua umat Islam di dalam Palestin dan di negara Islam yang lain harus berusaha membersihkan negara tersebut daripada penjajah Yahudi dan kezaliman mereka.

Negara Islam juga boleh dikatakan sebagai negara-negara Arab dan negara-negara yang telah dibuka oleh umat Islam sebelum ini, dan ianya didiami oleh golongan umat Islam di samping mereka menegakkan Syariat dan undang-undang Islam dalam pentadbiran dan kehidupan mereka. Selain itu, nama lain yang sinonim bagi negara Islam ialah *al-Dawlah al-^cAdilah* kerana menegakkan keadilan dalam pentadbiran sesebuah negara adalah prinsip yang paling penting dalam Islam (al-Zuhaylī 1998: 168).

Abd al-Karim Ustman (1985: 228) mentakrifkan negara Islam adalah sebuah negara yang berada di bawah naungan dan pemerintahan sultan atau ketua negara yang beragama Islam. Sekaligus undang-undang Islam dilaksanakan di dalam negara tersebut termasuklah hukuman hudud.

Negara Islam di sisi Sayyid Qutub (1994: 298) ialah sebuah negara yang melaksanakan undang-undang Islam secara total samada rakyat negara tersebut semuanya beragama Islam ataupun terdapat di dalamnya golongan bukan Islam.

Abu Zahrah (1995:88) mendefinisikan Negara Islam adalah negara yang keselamatan dan keamanan berpihak kepada umat Islam dan golongan *ahl al-Dhimmah*.

Abd al-Qādir Awdah (1402H:421) menyatakan bahawa Negara Islam adalah negara yang diperintah oleh umat Islam dan syariat dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan aman dan bebas tanpa rasa tertekan.

Al-Būṭī (1999:92), Negara Islam haruslah ditadbir oleh umat Islam kerana dengannya akan terlaksana syariat dan tersebarnya syiar Islam.

Abd al-Karim Zaydān (1396H:16), beliau lebih cenderung terhadap pandangan yang menganggap Negara Islam mestilah diperintah oleh umat Islam, kerana dengannya akan terlaksanalah syariat dan undang-undang Islam di dalam negara tersebut mengikut kebijaksanaan pemimpin.

Daripada penjelasan dan pengklasifikasian yang dibuat oleh para ulama di atas dapatlah disimpulkan bahawa takrif dan ciri-ciri negara Islam merupakan perkara yang tidak disepakati oleh para ulama sama ada yang terdahulu mahupun yang *Mu^casarah*, dan tiada juga nas-nas *qat'i* yang membincangkan secara khusus mengenai negara Islam yang sebenarnya. Namum begitu, ciri-ciri Negara Islam yang diutarakan

oleh ulama *Mu'asarah* dan ulama terdahulu tidak jauh sangat perbezaannya, kerana terdapat beberapa ciri-ciri yang disepakati dan tidak disepakati. Daripada definisi-definisi yang dikemukakan oleh para ulama di atas, dapatlah disimpulkan ciri-ciri maksimum sebuah negara Islam, ianya adalah seperti berikut:

- i. Negara Islam harus terlaksana di dalamnya syariat dan syiar Islam dengan aman dan bebas.
- ii. Ditadbir oleh *al-Imam* atau pemerintah yang tergolong daripada umat Islam.
- iii. Keselamatan dan keamanan berpihak kepada umat Islam.
- iv. Undang-undang Islam dilaksanakan secara total dalam kerajaan Islam.

Perkara (i) dan (ii) yang dinyatakan oleh para ulama di atas adalah titik-titik persepakatan antara ulama *Mu'asarah* dan ulama-ulama silam. Manakala perkara (iii) dan (iv) adalah merupakan titik perselisihan antara ulama dua zaman, kerana ada di antara mereka yang menyebut dan sebahagian yang lain tidak menyebutnya.

Justeru itu, masalah ini merupakan masalah *ijtihadiyyah* yang terhasil daripada ijtihad para pemikir-pemikir Islam, maka umat Islam mempunyai ruang yang luas untuk memilih pendapat yang paling sesuai dan bertepatan dengan *maslahat* untuk dipraktikkan di negara masing-masing.

Pengkaji berpendapat, bahawa negara Islam adalah sebuah negara yang diduduki oleh kebanyakan umat Islam atau majoritinya merupakan umat Islam walaupun terdapat golongan *non Muslim* yang bernaung di bawah kepimpinan Ketua Negara yang beragama Islam. Pendapat Muhammad Abu Zahrah, Yusuf al-Qadawi, al-Buti dan al-Zuhayli merupakan pendapat yang paling sesuai untuk diguna pakai dalam situasi negara majmuk seperti Malaysia yang bersifat berbilang kaum dan agama. Namun tanpa dinafikan dalam masa yang sama bahawa Ketua Negara wajib mencari jalan dan sentiasa berusaha untuk menjalankan undang-undang Islam secara total.

Hasil dari perbincangan di atas, pengkaji berpendapat ciri-ciri minimum yang perlu terdapat di dalam sebuah Negara Islam adalah seperti berikut:

- i. Negara tersebut haruslah didiami oleh majoriti umat Islam.
- ii. Ketua Negara dan timbalannya haruslah beragama Islam.
- iii. Pentadbiran negara harus dikuasai oleh umat Islam.
- iv. Syariat Islam bebas dilaksanakan oleh umat Islam dengan penuh keamanan.
- v. Umat Islam berasa aman sejahtera bila berada di dalam negara tersebut.

Manakala ciri-ciri maksimum sebuah Negara Islam ialah pelaksanaan undang-undang *Hudud* secara menyeluruh dengan penuh keadilan.

Walau bagaimanapun, sesebuah Negara Islam berusaha untuk melaksanakan undang-undang yang berkaitan dengan *Hudud* agar mencapai tahap ciri-ciri maksima sebuah Negara Islam.

Penduduk Negara Islam

Sebuah negara yang bergelar negara Islam tidak semestinya diduduki oleh orang Islam semata, akan tetapi boleh juga didiami di dalamnya masyarakat-masyarakat bukan Islam yang diiktiraf oleh kerajaan akan kerakyatan mereka. Oleh yang demikian, para *fuqahā'* telah membahagikan penduduk negara Islam kepada tiga golongan iaitu *al-Muslimīn*, *al-Dhimmiyyīn* wa *al-Musta'minīn*.

(a) *Al-Muslimīn* : Mereka adalah golongan yang beriman dengan ajaran Islam dan menjadikan Islam sebagai agama dan undang-undang kehidupan mereka. Dalam masa yang sama, mereka juga terikat

dengan semua undang-undang yang telah ditetapkan oleh kerajaan negara sama ada ianya berbentuk kenegaraan mahupun keagamaan selagimana perkara tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

(b) *Al- Dhimmiyyīn* : Mereka adalah golongan *non Muslim* yang tinggal bersama-sama dengan masyarakat Islam di negara Islam dengan *‘Aqd al-Dhimmah*. Mereka ini telah dibenarkan oleh kerajaan yang dipimpin oleh umat Islam untuk menjadi rakyat negara Islam tersebut dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Islam. Mereka juga diwajibkan mematuhi segala arahan dan larangan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan di negara yang mereka diami itu. Mereka pada mulanya ialah penduduk asal kepada negara-negara yang telah dibuka oleh umat Islam melalui peperangan ataupun perjanjian.

Setelah negara berkenaan telah dibuka oleh umat Islam, mereka memohon daripada umat Islam untuk terus kekal tinggal di dalam negara yang telah dibuka itu tadi. Sekaligus berada di bawah jagaan umat Islam dan mentaati semua undang-undang Islam yang berkaitan dengan *mu‘āmalah*, *al-mālyiyah*, *al-hudūd* dan sebagainya kecuali undang-undang yang berkaitan dengan agama seperti *al-mīrāth*, *al-talaq*, *al-zawāj* dan sebagainya. Mereka ini hanya cuma perlu membayar cukai atau apa yang dipanggil *al-Jizyah* kepada negara Islam yang melindungi mereka. Firman Allah S.W.T bermaksud:

*Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat dan mereka juga tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya serta tidak beragama dengan agama yang benar (iaitu agama Allah), mereka itu adalah orang-orang yang telah diutuskan kepada mereka al-kitab sebelum ini, sehinggalah mereka membayar jizyah dengan penuh kepatuhan dan tunduk*⁷

(c) *Al-Musta‘minīn*: Mereka adalah golongan non muslim yang memasuki negara Islam pada tempoh tertentu dan terhad. Kemasukan mereka ke negara Islam bukanlah untuk menjadi penduduk atau menetap di dalamnya buat selama-lamanya. Hak-hak mereka samalah seperti golongan *ahl al-Dhimmah*, di mana mereka itu bebas bekerja, berniaga dan mengerjakan amalan dan ajaran agama mereka tanpa ada sebarang larangan. Cuma mereka dilarang keras melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah negara dan umat Islam apatah lagi menghina Islam (‘Abd Karim Othman 1985: 232).

DEFINISI NEGARA *AL-HARBIYYAH*

Ia juga dipanggil atau dinamakan sebagai negara kuffar. Kedua-dua dinisbah kepada negara tersebut adalah kerana pemerintahannya yang tidak berlandaskan syariat Islam serta ia juga tidak dipimpin oleh orang Islam.

Para ulama tidak banyak bercanggah pendapat dalam mendefinisikan *Dār al-Harbiyyah* atau negara *al-Kuffār* sepertimana mereka berselisih pendapat dalam mendefinisikan negara Islam. Pandangan mereka terhadap *Dār al-Harbiyyah* seakan-akan sama. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Abu Yusuf Muhammad bin Hassan menyatakan bahawa negara *al-Harbiyyah* adalah sebuah negara yang mengamalkan undang-undang *kuffār* secara jelas sekaligus mereka menolak undang-undang Islam (al-Kasani 1402H: 130).
- ii. Madhab al-Hanbali mendefinisikannya sebagai negara yang banyak mengamalkan sistem undang-undang *kuffār* (al-Mardawi 1989: 121).

⁷ al-Quran, al-Taubah 9: 29.

- iii. Ismail Lotfi (1990: 72) mendefinisikan bahawa *Dār al-Harbiyyah* sebagai negara yang didiami oleh golongan bukan Islam dan dipimpin oleh orang daripada golongan mereka sekaligus mengamalkan sistem pentadbiran yang tidak selari dengan ajaran Islam. Di dalam negara tersebut tiada seorang pun orang Islam yang mengerjakan ibadah dan tuntutan Islam sama ada secara tersembunyi mahupun secara terang-terangan.

Kesimpulan daripada definisi di atas itu tadi, menjelaskan bahawa negara *al-Harbiyyah* adalah merupakan sebuah negara yang dipimpin oleh orang kafir yang bukan beragama Islam sekaligus dia mengamalkan sistem dan perundangan bukan Islam dalam pentadbiran negara yang dipimpinnya. Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan bahawa setiap negara yang dipimpin oleh golongan bukan Islam, tidak boleh dikategorikan sebagai negara Islam.

DEFINISI NEGARA *AL-‘AHDIIYAH*

Definisi dari segi bahasa

Dari sudut bahasa ia berasal daripada perkataan *‘ahada-yu‘ahidu-mu‘ahadah* yang bermaksud perjanjian diplomatic (*Al-Munjid fi al-Lughah wa al-‘Alam* 1987: 535).

Definisi dari segi istilah

Adapun definisi negara *al-‘ahdiyyah* dari sudut istilah pula, terdapat beberapa definisi yang telah diberi oleh para ulama. Antaranya adalah seperti berikut:

Al-Tariqi (1414H: 176), sebuah negara yang membuat perjanjian damai dengan negara Islam sama ada dengan cara *muh‘adah* ataupun dengan cara persetujuan damai sekaligus memohon agar mereka terus tinggal di negara tersebut.

Al-Zuhayli (1998: 175), ia adalah merupakan sebuah negara yang penduduk Islam di dalamnya terlalu minoriti atau tiada langsung, masyarakatnya telah bersetuju untuk berdamai dan membayar cukai tanah atau (*al-kharaj*) kepada umat Islam, tanpa mengambil daripada mereka *al-jizyah*, ini adalah kerana, negara yang mereka diami bukanlah sebuah negara Islam dan mereka juga bukannya berada di dalam pemerintahan negara Islam.

Negara *al-‘Ahdiiyah* mengikut pendapat mazhab *al-Shafi‘iyyah* dan *al-Hanabilah*, ia bukan sebahagian daripada negara Islam mahupun negara *al-Harbiyyah* (al-Tariqi 1414H: 177 ; al-Mawdūdī 1969: 133). Rakyat negara tersebut diwajibkan kepada mereka membayar *al-kharaj* atau apa yang dikenali sebagai cukai tanah kepada pemimpin negara Islam yang menjamin keamanan untuk mereka. *Jumhūr Fuqahā’* berpendapat bahawa negara *al-‘Ahdiiyah* adalah sebahagian daripada negara Islam. Ini adalah kerana rakyat Negara tersebut telah mendapat janji keamanan (*al-Sulh*) daripada negara Islam sekaligus mereka dikira sebagai *ahl al-Dhimmah* yang wajib membayar *al-jizyah* kepada negara Islam (al-Zuhayli 1998: 176).

Dari apa yang dibincangkan oleh para ulama terhadap negara *al-‘Ahdiiyah* dapat disimpulkan bahawa rakyat yang berada di dalam negara tersebut wajib membayar cukai tanah yang dikenali sebagai *al-kharaj*. Maka untuk menjelaskan lagi maksud sebenar *al-kharaj*, haruslah diperbincangkan secara ringkas definisi, cara pengutipan dan cara pembayaran yang ditetapkan oleh syarak.

Al-Kharaj adalah merupakan cukai tanah yang diwajibkan kepada orang kafir yang berada di bawah perlindungan pemimpin dan negara Islam, pengambilan adalah mengikut ketetapan ijihad para *mujtahid* yang muktabar. Manakala sistem pengutipan *al-Kharaj* pula dikutip daripada penduduk pada dua keadaan yang berbeza, ianya adalah seperti berikut (al-Mawardi 1989: 186):

1. Diambil daripada rakyat yang tergolong daripada umat Islam dan juga *Ahl al-Dhimmah*. Hal ini berlaku apabila sebuah negara itu telah dikosongkan oleh penduduknya (*Ahl al-Kuffar*) akibat diserang atau dimasuki oleh tentera Islam. Oleh kerana mereka tidak mampu untuk melawan kekuatan umat Islam, mereka telah keluar dan mengosongkan negara tersebut. Maka dengan itu, umat Islam mengambil alih tanah dan pemerintahan negara yang telah dikosong itu tadi. Dalam hal ini, penduduk Islam atau kafir *Dhimmi* yang tinggal atau mastautin di dalamnya harus dikenakan cukai yang lebih dikenali sebagai *al-Kharaj*.
2. Diambil daripada orang-orang Kafir yang bersetuju untuk berdamai dengan kerajaan Islam serta ingin terus kekal menetap di dalam negara asal mereka tanpa mengosong atau keluar daripadanya.

Dari sudut pembayaran cukai *al-kharaj* pula terbahagi kepada dua situasi berikut:

- (a) Pembayaran secara mutlak. Ia berlaku apabila penduduk *kuffar* melepaskan segala hak pemilikan mereka kepada pemerintah Islam, sekaligus harta-harta tersebut menjadi harta wakaf yang harus dipelihara oleh pemerintah tanpa ianya dijual ataupun dimiliki oleh mana-mana pihak. Dalam keadaan ini, mereka wajib membayar cukai kepada pemerintah sampailah bila-bila walau selepas itu mereka memeluk agama Islam.
- (b) Pembayaran secara *muaqat*. Hal ini berlaku apabila penduduk asal (*Ahl al-Kuffar*) *Dar al-^lAhdiyyah* bersetuju berdamai dan taat pada arahan-arahan pemerintah Islam dengan membeyar cukai. Mereka juga bersetuju untuk terus menjadi pemilik tunggal kepada semua hak milik peribadi mereka tanpa menyerahkannya kepada pemerintah Islam. Dalam situasi seperti ini, mereka hanya wajib membayar *al-Kharaj* kepada negara Islam atau pemimpinnya selagimana mereka beragama selain dari agama Islam, sekiranya mereka memeluk agama Islam, mereka tidak lagi perlu membayar *al-Kharaj* sepertimana sebelum ini.

Malaysia Negara Islam: Satu sorotan

Hasil daripada definisi tiga jenis negara di atas, dapatlah disimpulkan bahawa, Malaysia adalah salah sebuah negara yang boleh diiktiraf sebagai negara Islam. Ini adalah kerana Malaysia dipimpin oleh orang-orang yang beragama Islam. Ia juga dapat dibuktikan melalui fakta-fakta sejarah yang menunjukkan bahawa tidak pernah negara Malaysia selepas kemerdekaan pada tahun 1957 dipimpin (Ketua Negara) oleh orang bukan Islam.

Sebagai bukti sejarah juga ialah pelaksanaan undang-undang Islam telahpun terserlah sejak Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini telah dikupas oleh Abdul Halim El-Muhammady (1998 :145-157) yang menyebut perkembangan Islam di Malaysia telah wujud semenjak dahulu lagi dengan adanya Undang-undang Melaka, Kanun Laut Melaka, Kanun Pahang dan Kanun Kota Setar. Proses ini berterusan sehingga kemerdekaan. Ia juga telah memperlihatkan penerimaan cara hidup Islam meskipun di kalangan masyarakat kosmopolitan dan penduduk yang berbilang kaum tanpa ada tentangan (Hamid Jusoh, 1992: 106).

Walaupun Malaysia tidak mengamalkan undang-undang Islam secara keseluruhan, tidak semestinya Malaysia bukan negara Islam. Ini kerana jika dilihat, Malaysia telah mengubah sedikit demi sedikit cara hidup rakyat dan kepimpinan kerajaan Malaysia ke arah yang lebih baik dan lebih teratur seperti mana yang dituntut oleh Islam. Kaedah ada menyebut:

Apa yang tidak mampu dilakukan secara keseluruhan jangan ditinggalkannya secara keseluruhan (Ibn Nujaym. 1997: 431).

Kaedah ini boleh juga dijadikan hujah bahawa Malaysia boleh disifatkan sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai ciri-ciri minimum. Walaupun Malaysia buat masa sekarang ini tidak mampu untuk melaksanakan undang-undang Islam atau hukum Hudud secara keseluruhan yang disebabkan oleh kesan pemikiran penjajah dan rakyatnya juga berbilang agama yang sudah semestinya memerlukan kepada penjelasan demi penjelasan terhadap hukum hudud. Namun demikian, kerajaan Malaysia tidak pernah sama sekali meninggalkan kesemua hukum-hukum Islam secara total dan juga tidak pernah menganggap undang-undang hudud tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia, cuma pihak berkuasa hanya memerlukan sedikit masa untuk meyakinkan umat Islam dan golongan bukan Islam yang masih diselubungi dengan sistem pentadbiran penjajah bahawa undang-undang hudud sesuai untuk dilaksanakan ke atas negara majmuk seperti Malaysia. Namun, bagi meyakinkan golongan bukan Islam terhadap keadilan sistem perundangan dan pentadbiran Islam, kerajaan sudah mula memperkenalkan sistem-sistem Islam di dalam pentadbiran negara, seperti perbankan Islam, pajak gadai Islam (*al-Rahn*), sistem Undang-undang Kekeluargaan Islam dan banyak lagi pelaksanaan-pelaksanaan yang berteraskan syariat Islam.

Bagi merealisasikan hal ini, beberapa sudut sistem pentadbiran dan undang-undang Islam telah diketengahkan seterusnya dilaksanakan oleh kerajaan untuk diperkenalkan kepada rakyat Malaysia khususnya golongan bukan Islam bahawa sistem pentadbiran dan perundangan Islam sesuai dipraktikkan dan sekaligus boleh membawa kepada kemajuan rakyat dan negara ke arah yang lebih gemilang. Antara sistem perundangan dan pentadbiran Islam yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

(a) Dari sudut pendidikan

Kerajaan Malaysia begitu komited terhadap pendidikan rakyat khususnya dalam pendidikan agama Islam. Kerajaan sentiasa berusaha dan mencari jalan untuk mempertingkatkan lagi ilmu agama kepada anak-anak umat Islam yang semakin hanyut ditelan arus kemodenan. Rentetan dari itulah penambahbaikan demi penambahbaikan terhadap sistem pendidikan dibuat. Antara penambahbaikan tersebut ialah mewujudkan sistem J-QAF iaitu pendidikan Islam bersepadu dari peringkat rendah lagi, dengan sistem ini anak-anak yang beragama Islam akan diasuh agar mengkhatham al-Quran sebelum mereka tamat darjah enam. Tidak cukup sekadar itu sahaja, institusi-institusi pendidikan tinggi (IPTA/IPTS) yang berkonsepkan *Islamic studies* telah diperkembang dan diperbanyakkan seperti UIAM, USIM, KUIS, UNISZA dan banyak lagi yang kesemuanya itu mendapat sambutan yang memberangsangkan oleh rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam.

(b) Dari sudut ekonomi

Malaysia merupakan antara negara yang sedang membangun telah memperkenalkan produk-produk kewangan Islam dengan menubuhkan Bank Islam pada 1983, kemudian disusuli oleh Bank Muamalat. Hari ini Malaysia bukan sahaja bergantung dengan dua buah bank ini sahaja, bahkan terdapat lagi di sana puluhan institusi kewangan konvensional yang menawarkan kemudahan perbankan Islam melalui lebih daripada 1000 cawangan di seluruh negara. Termasuk dalam sistem ini ialah syarikat broker saham yang beroperasi secara Islam, syarikat Takaful Ikhlas/ Nasional dan yang terbaru sekali iaitu sistem pajak gadai Islam (*al-Rahn*) dan halal hub yang telah dikomersilkan pada tahun 2005 dan 2006.

Kesemua sistem-sistem kewangan Islam di atas mendapat tarikan hebat daripada masyarakat dalam dan luar negara sekaligus ia membawa kepada kecemerlangan dan pulangan yang baik tanpa dipengaruhi oleh anasir-anasir haram seperti riba, perjudian, penipuan, penindasan dan seumpamanya.

(c) Dari sudut perundangan

Malaysia sudah lama melaksanakan undang-undang Islam iaitu Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak. Hal ini dapat dibuktikan daripada perspektif sejarah. Perundangan ini telah diamalkan di Prasasti Terengganu bertarikh 14 Rejab 702H bersamaan 22 Februari 1303M (Syed Naquib al-Attas 1970: 24). Di dalam prasasti itu juga diperuntukkan beberapa peraturan berhubung dengan undang-undang jenayah, urusniaga dan pentadbiran (Abd Samad Ahmad 1957: 36). Anantara lainnya pula ialah Risalah Hukum Kanun Melaka yang ditulis antara 1446-1456M oleh Hang Sidi Ahmad, Undang-undang Laut Melaka (R.O Winstedt; Josselin de Jong 1956: 29), Hukum Kanun Pahang 1596 (R.O Winstedt; J.E Kampe 1948: 1), Undang-undang Kedah 1078H, Hukum Qanun Dato, Star (t.t), Undang-undang Kedah 1199H/1784M (R.O Winstedt 1928: 1-44), Kanun Johor 1789 (R.O Winstedt 1977: 171) dan banyak lagi undang-undang Islam yang telah diamalkan di negeri-negeri di Tanah Melayu sebelum ini walaupun tidak secara menyeluruh (Abd Rahim, Rahimin Affandi 2003: 13).

Oleh kerana itulah usaha-usaha untuk menyelaraskan dan memperkembangkan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah di seluruh negara perlu kepada refomasi yang lebih menyeluruh dan harmoni. Konsep dan hala tuju perundangan Islam perlu diambil dan diperkukuhkan dengan baik dan teratur. Seterusnya konsep tersebut diperjelaskan kepada rakyat yang berbilang kaum dan agama mengikut landasan yang betul. Cara ini akan meningkatkan lagi kefahaman rakyat Malaysia terhadap kehebatan sistem perundangan Islam dengan pendekatan yang harmonis tanpa mengundang kepada kemudharatan yang lebih besar.

Dalam konteks perlembagaan Malaysia, walaupun masih banyak perkara yang bercanggah dengan undang-undang yang diluluskan sejak zaman penjajah, akan tetapi usaha demi usaha boleh diambil untuk meminda supaya ia kembali selaras dengan kehendak undang-undang Islam. Para sarjana, ulama dan umat Islam harus berfikir positif terhadap penggubalan dan penafsiran Perlembagaan tersebut agar ia lebih dekat dengan kehendak Islam (Mohd Rumaizuddin 2005: 24).

Ahmad bin Ibrahim di dalam kertas kerjanya yang bertajuk: *Prinsip-Prinsip Perlembagaan Islam dalam Perlembagaan Malaysia* (1995: 6) menyatakan bahawa “Cara yang lebih baik ialah dengan memandangkan kepada Perlembagaan Malaysia itu secara positif dan menerimanya dan berusaha melaksanakannya supaya menegakkan prinsip-prinsip kerajaan Islam. Wujudnya perlembagaan itu hasil dari perundingan dan bertolak ansur antara kaum-kaum di Malaya dan kemudiannya di Malaysia. Kita harus menghormati perjanjian yang dicapai itu yang berasaskan kepada bertimbang rasa dan persahabatan antara kaum-kaum. Di masa yang sama kita harus mencuba berfikir dan bertindak secara positif dan menggunakan Perlembagaan itu supaya menegakkan prinsip-prinsip kerajaan Islam dan di masa yang sama mengambil kira kepentingan semua kaum dan bangsa Malaysia”.

Beliau juga menegaskan bahawa undang-undang Islam harus dikembalikan kepada tempatnya yang asal sebagai undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia kerana ia merupakan agama rasmi bagi negara Malaysia. Oleh itu, kita tidak lagi perlu merujuk kepada undang-undang Inggeris yang sudah lapuk dan langsung tidak bertepatan dengan syariat Islam. Namun tidak dinafikan bahawa undang-undang yang tidak bercanggah dengan Islam boleh diguna pakai (Ahmad bin Ibrahim 1995: 7).

(d) Dari sudut penghormatan

Malaysia cukup mengambil berat terhadap kehormatan agama dan umat Islam. Tiada siapa yang boleh menjatuhkan atau menghina Islam. Sebarang penghinaan yang dilakukan terhadap Islam akan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa sama ada ianya dilakukan oleh umat Islam sendiri ataupun golongan bukan Islam. Sebagai contoh, Malaysia melarang rakyatnya khususnya umat Islam meminum arak, berzina,

berkhalwat, berjudi di khalayak ramai atau secara terang-terangan, kerana perbuatan-perbuatan tersebut merupakan satu tohmahan dan kejian terhadap kesucian agama Islam dan prinsip-prinsipnya.

Kesemua fakta dan contoh-contoh di atas menjelaskan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islam. Hasil daripada definisi dan penjelasan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa negara Islam ialah sebuah negara yang kekuasaannya milik orang Islam, tuntutan-tuntutan Islam dapat dilaksanakan dengan baik, manakala umat Islam di dalam negara itu pula bebas mengamalkan ajaran agama dan ibadat-ibadat yang disyariatkan oleh Allah S.W.T, mereka juga merasa aman bila berada di dalam negara tersebut walaupun di dalamnya terdapat rakyat yang bukan beragama Islam. Kesemua faktor-faktor yang disebutkan di atas terdapat di Malaysia. Maka menurut pengkaji tidak salah untuk mengklasifikasikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Namun begitu, menurut Rahimin Affandi (2003:2) mempunyai satu pendekatan yang lain. Beliau beranggapan bahawa Malaysia tidak dinilai sebagai sebuah negara Islam daripada perspektif klasik sebagaimana yang telah dibahagi-bahagikan oleh ulama terdahulu, akan tetapi ia dinilai mengikut pembahagian moden. Hal ini adalah kerana pembahagian seperti itu telah dibuat semasa Islam sedang kemuncak dan ianya tidak lagi relevan untuk digunakan pada hari ini. Apatah lagi selepas kemerdekaan dan diikuti pula dengan *era post-modernisme* yang telah mengakibatkan perubahan pembahagian tersebut secara total khususnya selepas zaman penjajahan British, Perancis, Sepanyol dan lain-lain kuasa Barat. Hasil daripada peristiwa inilah negara umat Islam telah dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu:

1. Negara yang menolak undang-undang Islam dan menggunakan undang-undang sekular sepenuhnya seperti Turki.
2. Negara yang mengamalkan undang-undang Islam sepenuhnya seperti Iran.
3. Negara yang mengamalkan undang-undang Islam dan undang-undang tinggalan penjajah seperti Malaysia.

Malaysia juga bukan sebuah negara sekular. Ini adalah kerana terdapat perbezaan yang ketara antara konsep negara Islam dan sekular. Ciri-ciri negara sekular adalah seperti berikut (Wan Mohd 2001: 6) :

1. Negara sekular tidak akan mengisytiharkan sebarang agama sebagai agama rasmi negara.
2. Negara sekular tidak akan memperuntukkan dana negara atau awam untuk membengunkan prasarana lembaga dan institusi agama.
3. Negara sekular tidak akan memperuntukkan dana negara atau awam untuk menganjurkan sistem pendidikan yang bersifat keagamaan dalam sistem pendidikan kebangsaan.
4. Undang-undang negara sekular juga ditentukan sepenuhnya mengikut kehendak golongan berkuasa sama ada yang memperolehi kekuasaan melalui ketenteraan, akonomi dan politik atau kesemuanya menggunakan kaedah *akliah*, saintifik dan demokrasi semata tanpa terdapat badan penasihat agama.

Justeru, daripada jastifikasi di atas secara jelas menjawab bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islam dan bukan negara sekular. Ini adalah kerana ciri-ciri yang terdapat di Malaysia menepati ciri-ciri minimum negara Islam, dan tiada langsung ciri-ciri negara kafir mahupun negara sekular seperti mana yang disangka-sangkakan oleh sesetengah pihak. Walau bagaimanapun, ciri-ciri minimum ini akan lengkap jika sebahagian daripada sistem politik dan perundangan warisan penjajah British dapat dibuang dan digantikan dengan sistem perundangan Islam secara total. Maka penambahbaikan demi penambahbaikan harus dilakukan oleh kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara Islam yang menepati ciri-ciri maksimum sebuah negara Islam.

KESIMPULAN

Dari sudut pengertian *al-dawlah* menurut *al-Siyasat al-Shar'iyah*, terdapat tiga jenis *al-dawlah* iaitu *al-Dawlah al-Islamiyyah*, *al-Harbiyyah* dan *al-'Ahdiiyyah*. Selepas dilihat secara mendalam terhadap definisi dan ciri-ciri *al-Dawlah al-Islamiyyah* didapati bahawa Malaysia mempunyai ciri-ciri minimum Negara Islam sebagaimana yang telah dijelaskan oleh para ulama. Pengkaji juga mendapati bahawa ciri-ciri negara Islam terbahagi kepada dua iaitu ciri-ciri minimum dan maksimum.

Ciri-ciri minimum sebuah Negara Islam haruslah ia dipinpin oleh seorang Ketua Negara beragama Islam dan pentadbiran negara juga harus dikuasai oleh umat Islam, manakala negara tersebut pula haruslah didiami oleh majoriti umat Islam sekaligus mereka bebas mengamal dan melaksanakan semua tuntutan syariat Islam dengan penuh keamanan. Keamanan dan ketenteraman harus dinikmati oleh umat Islam apabila mereka berada di dalam negara tersebut. Bagi melengkapkan sebuah negara itu kepada ciri-ciri maksimum sebuah negara Islam, maka pelaksanaan hukum hudud secara total haruslah dilaksanakan tanpa terkecuali.

Oleh yang demikian, bab ini telah menjelaskan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara majmuk dan Negara Islam yang menepati ciri-ciri minimum. Mahupun begitu, Malaysia tidak akan kekal dengan tahap itu sahaja, akan tetapi usaha-usaha kearah penambahbaikan demi penambahbaikan untuk mencapai tahap dan ciri-ciri maksimum sebuah negara Islam yang syumul akan terus dijalankan oleh kerajaan Malaysia.

Manalaka dari sudut komposisi penduduk pula, jelas menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang bersifat majmuk, didiami oleh pelbagai kaum, agama dan budaya. Oleh kerana Malaysia sebuah negara Islam ia telah mengiktiraf hak-hak golongan non Muslim dari banyak aspek seperti hak kebebasan mendirikan rumah ibdat, beragama, berpolitik, bersosial dan sebagainya selagimana hak-hak tersebut tidak menindas umat Islam serta membawa kemudharatan untuk negara

RUJUKAN

- Abd Rahim, Rahimin Affandi. (2003). Adakah Malaysia sebuah negara Islam? *Jurnal YADIM*. Ed. 5. Kula Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- °Abd al-Karim ibn °Uthmān. (1985). *M'aalim al-thqafah al-islamiyyah*. Beirut: Muassat al-Risālah.
- °Abd al-Qādir °Audah. (1402H). *Al-Tasyri° al-jinaii al-islami muqaranan bain al-qanun al-wad°i*. Thahrān: Muassat al-Bi°stah.
- Abu Zahrah, Muhammad. (1995). *Al-°Alaqah al-duwaliyyah fi al-islam*. Syria: Dar al-Fikr. Dimasq.
- Ahmad bin Ibrahim. (1995). *Kertas kerja: Prinsip-prinsip perlembagaan Islam dalam perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Al-°Asqalānī, Ahmad ibn °Alī ibn Hajar. (t.th). *Fath al-bari bi syarh sohih al-bukhari*. Qāherah: Maktabah misr.
- Al-Asyqar, Muhammad Sulaymān ibn °Abdullah. (1996). *Zubdat al-tafsīr min al-fath al-qadīr*. Beirut: Dār al-Muayyid li al-Nasr wa al-Tawzī°.
- Al-Baalbakī Rahi. (1988). *Al-Mawrid A modern arabic-english dictionary*. Ed. Pertama. Beirut: Dar al-°Ilmi Li al-Malayin.
- Al-Būtī, Muhammad Sa°id al-Ramadhān. (1999). *Al-Jihad fi al-islam*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu°asir.
- Al-Jauziyyah, Muhammad ibn Abi Bakr ibn al-Qayyim. (1401H). *Ahkam ahl al-zimmah*. Tahqīq Subhī Soleh. Mesr: Dār al-Ilmī al-Malayīn.
- Al-Maududī, Abu al-°Ala Muhammad ibn al-Husain. (1969). *Nazariyyah al-islam wa hadiyhi fi al-siasah wa al-qanun wa al-dustur*. Beirut: Muassat al-Risalah.

- Al-Maqdisī, Muhammad ibn al-Muflīh. (1971). *Al-Adab al-syarʿiyyah wa al-manh al-maʿiyyah*. Riyād: Maktabah al-Riyād al-Hadīthah.
- Al-Mawardi. ʿAlī ibn Muhammad. (1989). *Al-Ahkam al-sultaniyyah fi al-wilayat al-diyaniyyah*. Kuwait: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Al-Munjid fi al-lughah wa al-alam*. (1987). Ed. 34. Beirut: Dar al-Masyriqiyyah.
- Al-Nabahānī, Taqī al-Dīn. (1980). *Al-Shakhsiyyah al-islamiyyah*. Beirut: Dār al-Basyāir.
- Al-Qurāʿn.
- Al-Rāzī, Muḥamad Ibn Abu Bakr Ibn Abd al-Qādir. (1989). *Mukhtar al-sihhah*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Sarkhasī, Muhammad ibn Ahmad Abu Shah. (1989). *Al-Mabsut*. Beirut. Dar al-Maʿrifah.
- Al-Tariqī, ʿAbdullah ibn Ibrahim. (1414H). *Al-Istiʿanah bighair al-muslimin fi al-fiqh al-islami*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Tariqī, ʿAbdullah ibn Ibrahim. (1994). *Al-Istiʿanah bighair al-muslimin fi al-fiqh al-islami*. Beirut: Muassat al-Risālah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1998). *Tafsir al-munir*. Syria: Dar al-Fikr. Dimasq.
- El-Muhammadī, Abdul Halim. (1998). *Undang-undang jenayah dalam Islam dan enakmen negeri-negeri*. Selangor: Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn ʿAbidīn. (1966). *Hasyiyyah radd al-mukhtar*. Qāherah: Maktabah ʿĪsā al-Bābī al-Halabī.
- Ibn Hazm al-Zāhirī. ʿAlī ibn Ahmad ibn Saʿid. (1952). *Al-Mahalli*. Qāherah: Maktabah al-Munīriyyah.
- Ibn Nujaym, Zain al-ʿĀbidīn Ibn Ibrāhīm. (1997). *Al-Bahr al-raiq syarh kanz al-daqaq*. Beirut: Dār al-Kutb al-ʿIlmiyyah.
- Hamid Jusoh. (1992). *Kedudukan Undang-undang Islam dalam perlembagaan Malaysia: Suatu rujukan khas terhadap kes-kes konversi dalam undang-undang keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2005). *Islam dan demokrasi di Malaysia*. Selangor: Tradisi Ilmu Sdn.Bhd.
- Muhammad Abd al-Qādir. (1986). *Al-Nizam al-siasi fi al-islam*. Jordan: Dar al-Furqān.
- Nordin Mardiana, Hussiin Hasnah. (t.th). *Pengajian Malaysia*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Saʿdī, Abu Jaib. (1968). *Al-Qamus al-fiqhi lughatan wa al-istilahan*. Syria: Dār al-Fikr.
- Sayyid Qutb. (1994). *Fi dhilal al-Quran*. Qāherah: Dār al-Salam.
- Wan Mohd bin Wan Daud. (2001). *Kontroversi negara sekular dan negara Islam: Satu penyelesaian dalam al-hikmah*. No.20. Bil.3. Kuala Lumpur.
- Zaydān, Abd al-Karim. (1396H). *Ahkam al-dhimmiyyin wa al-mustaʿminin*. Beirut: Muassat al-Risalah.